

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

# INFO@MAFI

## Jubli Emas

# 50 TAHUN PENUBUHAN NAFAS



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN



## MAJLIS PELANCARAN JUBLI EMAS NAFAS



WAKALAH & GERAN PENGURUSAN MAT  
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI  
PERAK  
**RM 450,000.00**



## NAFAS KEKAL RELEVAN SEBAGAI PAYUNG RANTAIAN PERTUBUHAN PELADANG NEGARA

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 tahun penubuhannya yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee pada 30 Mac 2022 yang lalu.

Penubuhan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada 31 Mac 1972 adalah ilham daripada Perdana Menteri Malaysia Ke-2, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein Al Haj. Pada awalnya, NAFAS dikenali sebagai Persatuan Peladang Kebangsaan dan didaftarkan di bawah Akta Persatuan Peladang 1967. Ia bertanggungjawab sebagai badan induk kepada persatuan-persatuan peladang di seluruh negara.

NAFAS sehingga hari ini telah disertai 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan dianggotai 928,636 ahli peladang seluruh negara. Struktur ini melengkapkan rangkaian tiga peringkat pertubuhan peladang. Rangkaian Pertubuhan Peladang dipertanggungjawabkan menyatu dan menggembelng sumber Pertubuhan Peladang serta peranan sebagai badan perniagaan peladang.

Perjalanan tempoh 50 tahun NAFAS telah memperlihatkan betapa usaha keras dalam memastikan kebajikan dan menjaga kesejahteraan ahlinya, justeru terus berkembang dan memajukan sektor pertanian negara secara keseluruhan. NAFAS akan memastikan kekal relevan sebagai payung kepada rangkaian Pertubuhan Peladang dengan melaksanakan Lima (5) Tekad NAFAS sebagai fokus menuju tahun 2030.

NAFAS kini lebih bersedia mendepani cabaran dengan melihat keperluan masa depan sebagai sebuah institusi yang menerajui pergerakan Pertubuhan Peladang dan badan perniagaan yang berdaya maju. NAFAS akan lebih dinamik dan produktif dalam mengurus serta membentuk masyarakat tani yang berdikari, makmur dan bersatu padu demi Keluarga Peladang negara.

## KUNJUNGAN HORMAT MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KEPADA YAB PREMIER SARAWAK, LAWATAN KERJA RASMI PERKUKUH KERJASAMA PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Openg pada 31 Mac 2022 di Pejabat Premier Sarawak, Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak.


Perbincangan menjurus kepada pelbagai bentuk kerjasama bagi memodenkan sektor pertanian di Sarawak sekaligus memajukan sektor agromakanan negara secara keseluruhan.

Lawatan kerja ini sangat penting untuk sektor agromakanan negara selaras dengan perancangan dan hala tuju Kementerian menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga berkongsi aspirasi yang sama dan komited untuk terus bekerjasama bagi menggalakkan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian, meningkatkan hasil pengeluaran serta memastikan bekalan dan sekuriti makanan negara terjamin.

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan tiba di Sarawak untuk mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga hari. Lawatan sulung itu turut menyaksikan beberapa sesi libat urus dan tinjauan ke projek pertanian di bawah seliaan Kementerian serta agensi lain yang berkaitan.

Lawatan kerja tersebut menjadi platform kepada Kerajaan Negeri, Pengurusan Tertinggi MAFI, kumpulan sasar Kementerian dan pemain industri bagi membincangkan pendekatan yang dapat terus menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pertanian dan seterusnya memperkukuh sekuriti makanan negara.



# PELEPASAN BENIH IKAN SERENTAK SELURUH MALAYSIA DAN KEMPEN JOM MAKAN IKAN AIR TAWAR

Program pelepasan benih ikan ke perairan umum secara serentak seluruh Malaysia telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Ia diadakan di Tasik Putrajaya pada 24 Mac 2022 dengan kerjasama antara Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Perbadanan Putrajaya.

Sebanyak 1.85 juta ekor benih ikan bernilai lebih RM900 ribu dilepaskan bagi tujuan menambah stok perikanan.

Pelepasan benih ikan merupakan program tahunan yang dibuat seluruh negara oleh Jabatan Perikanan Negeri sebagai langkah memastikan stok ikan darat sentiasa ada.

Jabatan Perikanan mengambil langkah yang konsisten secara serius dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan darat kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan sosio ekonomi nelayan tempatan.

Ikan kelah, temoleh, lampam sungai dan udang galah antara benih-benih ikan benih yang dilepaskan di Tasik Putrajaya.

Usaha sama ini adalah bagi memastikan matlamat untuk melestarikan alam sekitar serta pemuliharaan sumber dan bio-diversiti perikanan darat khususnya di Tasik Putrajaya dapat dicapai.

Program pelepasan benih ikan ini dapat memberi kesedaran pada orang awam terhadap kepentingan memulihara ekosistem perikanan darat untuk generasi akan datang. Pertambahan stok ikan di perairan umum juga antara usaha bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan.



Mengikuti rekod Jabatan Perikanan dari tahun 2016 hingga 2021, sebanyak 44.7 juta benih (bernilai lebih RM50 juta) telah dilepaskan ke perairan umum di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Sarawak termasuk dari Jabatan Pertanian Sarawak.

Jabatan Perikanan perlu mengurus tabdir sumber perikanan darat supaya tidak mengalami kepupusan.

Ini akan memberi kesan kepada rantaian eko-sistem kawasan perairan dan juga mengurangkan bekalan sumber perikanan darat untuk pengguna sekaligus menjejaskan jaminan sekuriti makanan negara.

Pelan Pembangunan Perikanan Negara 2021-2030 yang diterbitkan oleh DOF menjadi panduan untuk mengimbangi aspek seperti penerokaan potensi sumber perikanan secara cekap dan mampan.

Ini juga akan memastikan tahap kesejahteraan pengeluar makanan subsektor perikanan dan akuakultur dapat terus dipertingkatkan.

Menjelang tahun 2030, kerajaan menyasarkan sumbangan sektor akuakultur sebanyak 40% kepada keseluruhan pengeluaran perikanan Malaysia.



## MAJLIS PELANCARAN KONVENSYEN KEBANGSAAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN MAKANAN (NAFEC 2022)

Majlis Pelancaran Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC 2022) telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah bertempat di Dewan Syed Nahar, Ibu Pejabat MADA.

NAFEC 2022 telah diadakan selama tiga hari bermula 20 hingga 22 Mac 2022 telah disertai oleh 64 orang pembentang dan 156 peserta.

NAFEC 2022 merupakan anjuran bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) bertemakan Teknologi Lestari Menjamin Sekuriti Agromakanan yang membincangkan mengenai kejuruteraan lepas tuai dan makanan, mekanisasi dan automasi pertanian, IR 4.0 dalam pertanian, air, tanah dan sumber asli, pengurusan bahan buangan, persekitaran serta pengembangan pertanian.

Program NAFEC diadakan bertujuan untuk mengemaskini status dan keperluan masa hadapan bidang mekanisasi dan automasi bagi bidang kejuruteraan pertanian dan makanan.

Program ini juga memberi peluang kepada ahli akademik, penyelidik, penggubal dasar dan usahawan industri agromakanan negara untuk membincangkan penambahbaikan dasar bidang kejuruteraan pertanian dan makanan bagi meningkatkan kualiti penyelidikan kejuruteraan pertanian dan makanan.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, YBhg Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Pengerusi MADA, YB Ahmad Tarmizi bin Sulaiman dan Presiden Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE), Prof Ts. Dr. Rosnah binti Shamsudin.





## **PROGRAM JUALAN TERUS DARI LADANG DAN MENANDATANGANI PERJANJIAN KONSESI ANTARA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DAN AEON CO. (M) BHD.**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh telah merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri Kelantan dan menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pemegang Konsesi pemasaran produk-produk hasil pertanian keluaran Pertubuhan Peladang dan usahawan peladang antara Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengkalan Chepa dan Bachok dengan AEON CO. (M) BHD. bertempat di AEON Mall Kota Bharu, Kelantan pada 4 Mac 2022.

Program Jualan Terus Dari Ladang diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif MAFI di bawah Program Ladang Kontrak 2.0 untuk mempelbagaikan kaedah pasaran produk PPK dan usahawan peladang bagi menyokong program-program yang dilaksanakan oleh MAFI dan LPP di seluruh negeri Kelantan. Pelaksanaan program ini mampu menawarkan produk keluaran ahli-ahli peladang dan produk Industri Asas Tani pada harga ladang yang lebih murah dan berpatutan kepada pengguna.

Hadir sama dalam program ini adalah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Kelantan, YB Haji Tuan Mohd Saripudin bin Tuan Ismail, Pengerusi LPP, YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Encik Nik Mohd Shahril bin Nik Md Hashim, CEO AEON CO. (M) Bhd, Encik Shafie bin Shamsuddin dan Pengarah LPP Negeri Kelantan, YBrs Encik Mohd Hanifa bin Awang Su.

## KUNJUNGAN HORMAT YBHG DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KEPADA YBHG. DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH, KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



Pada 9 Mac 2022, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Sri Mohd. Shafiq bin Abdullah dan berkesempatan membincangkan agenda terkini Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.



### SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**  
**YBHG. DATO'**  
**HASLINA BINTI**  
**ABDUL HAMID**  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
**SALMAH BINTI**  
**RAMLI**

**EDITOR:**  
**NURIL**  
**MUTMAINNAH**  
**BINTI ROSLAN**

**PENULIS:**  
**DARLEENA**  
**ANAK DICKIE**  
**UMPANG**

**GRAFIK:**  
**SURAIYA**  
**HANI BINTI**  
**ZAMARI**

**JURU FOTO:**  
**MOHD NAJIB**  
**BIN ABDUL**  
**JABAR**

**IDEA, KONSEP &**  
**TERBITAN:**  
**UNIT KOMUNIKASI**  
**KORPORAT, MAFI**